



SIARAN MEDIA
PRESS RELEASE

JABATAN PERDANA MENTERI
PRIME MINISTER'S DEPARTMENT

ACARA PERBARISAN DAN PERARAKAN
SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2018

Sambutan Hari Kebangsaan 2018 dengan tema “**SAYANGI MALAYSIAKU**” menekankan kepentingan perpaduan dan semangat cintakan Negara bagi memastikan kesejahteraan dan kemakmuran Negara tanpa mengira perbezaan kaum, agama, bangsa dan fahaman. Dataran Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya telah dipilih sebagai tuan rumah bagi sambutan ini setelah dua kali diadakan di sini sebelum ini. Kali terakhir acara perbarisan dan perarakan Hari Kebangsaan ini diadakan di Putrajaya adalah pada tahun 2005.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V telah berkenan berangkat mencemar duli untuk bersama-sama rakyat meraikan sambutan Hari Kebangsaan 2018 hari ini.

Turut hadir ialah YAB Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri dan YABhg. Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali, YAB Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri dan YABhg. Datuk Seri Anwar bin Ibrahim.

Dianggarkan seramai **300,000 orang** rakyat berbilang kaum terutamanya di sekitar Putrajaya dan Lembah Klang termasuk negeri-negeri lain serta pengunjung dari luar negara akan hadir bagi menunjukkan semangat kemerdekaan dengan tidak melepaskan peluang untuk menyaksikan acara bersejarah tersebut.

Sambutan Hari Kebangsaan Tahun 2018 kali ini dipengerusikan oleh YB Tuan Gobind Singh Deo, Menteri Komunikasi dan Multimedia. Acara Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan 2018 diurus setiakan oleh Jabatan Perdana Menteri dan dibantu oleh Angkatan Tentera Malaysia manakala garapan dan penyelarasan persembahan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

Acara Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan 2018 ini, memperlihatkan sebanyak empat (4) komponen utama perarakan yang terdiri daripada;

- a. Kenegaraan;
- b. Ketenteraman Awam;
- c. Keselamatan Negara; dan
- d. Komponen Rakyat Bersepadu

Bilangan kontinjen yang terlibat dengan penyertaan keseluruhan peserta seramai **12,295** orang terdiri daripada pelbagai golongan melibatkan agensi kerajaan dan swasta, pelajar-pelajar sekolah yang menggambarkan penyertaan daripada pelbagai lapisan rakyat Malaysia.

Sambutan Hari Kebangsaan 2018 ini menjadi medan terbaik untuk rakyat Malaysia menzahirkan perasaan cinta kepada Negara serta mewujudkan suasana sambutan yang lebih inklusif kepada Malaysia. Sambutan ini adalah sebagai titik perpaduan dan kebersamaan seluruh rakyat Malaysia bagi bangkit mempertahankan Negara dengan semangat Sayangi Malaysiaku.

Maklumat Berkaitan Acara Perbarisan Dan Perarakan Sambutan Hari Kebangsaan 2018 (Sila rujuk Buku Atur Cara untuk maklumat terperinci)

1. **14 Das Tembakan** akan kedengaran yang melambangkan 14 buah negeri dari Malaysia oleh 41 Bateri Istiadat Rejimen Artileri Diraja yang diketuai oleh Mejar Asri B. Che Wil

2. **Bacaan Ikrar Rukun Negara** - Diketuai oleh Muhammad Aiman Shafiq bin Mohd Shah Noor Yong, Putera Maktab Tentera Diraja dan diiringi:
 - a. 20 Pelajar Maktab Tentera DiRaja, Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur
 - b. 14 pelajar Sekolah Seri Puteri, Cyberjaya, Selangor
 - c. 14 pelajar Kajang High School, Kajang, Selangor
 - d. 2 pelajar OKU dari Sekolah Menengah Putrajaya

3. Persembahan Khas Sayangi Malaysiaku – 600 orang

- a. Digarap oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya
- b. Melibatkan penyertaan kumpulan kesenian iaitu:
 - i. Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
 - ii. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
 - iii. Program Bimbingan Seni Budaya Cemerlang
 - iv. Soka Gakkai Malaysia
 - v. Malaysia Indian Dance
 - vi. Persatuan Anak-Anak Negeri Sabah, Kuala Lumpur
 - vii. Teresang Kenyalang Negeri Sarawak, Kuala Lumpur
 - viii. Memaparkan komuniti mewakili peringkat umur, kaum dan budaya.

4. Pancaragam Gabungan Pasukan Beruniform - seramai 524 anggota terdiri daripada;

- a. ATM Gabungan Darat, Laut dan Udara
- b. Polis Diraja Malaysia
- c. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
- d. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- e. Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
- f. Jabatan Penjara Malaysia
- g. Jabatan Imigresen Malaysia
- h. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- i. Jabatan Sukarelawan Malaysia

5. Kontinjen Pembawa Bendera Besar

- a. Saiz bendera: 80 kaki x 40 kaki
- b. Penyelaras : Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
- c. Kekuatan kontinjen : 60 orang
- d. Pembawa Bendera Jalur Gemilang – Kadet Remaja Sekolah : 660 orang
- e. Diikuti dengan 2000 orang pembawa Bendera Negeri-Negeri yang diselaraskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia

6. Kontinjen Konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang (58 buah kenderaan)

- a. Diketuai oleh YBhg. Dato' Haji Ibrahim bin Abdul Rahman, Ketua Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia
- b. Jumlah peserta : 133 orang
- c. 38 buah motosikal berkuasa tinggi dan 20 buah kenderaan Jabatan Penerangan Malaysia dan Agensi Kerajaan serta Badan Bukan Kerajaan

7. Kontinjen Sayangi Malaysiaku

- a. 800 peserta
- b. Memaparkan komuniti mewakili peringkat umur, kaum dan budaya.
- c. Menggambarkan warganegara Malaysia yang terdiri daripada berbilang bangsa hidup dalam kepelbagaian, harmoni, seja sekata dan bersatu padu.

8. Kontinjen Perkhidmatan Awam

- a. Penyertaan : 900 pegawai kerajaan mewakili 25 kementerian dan 6 jabatan kerajaan.
- b. Diketuai oleh YBhg. Datul Allauddin bin Haji Anuar, Timbalan Ketua Pengarah (Sektoral), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan sokongan dari 31 pegawai kanan dengan motto "Perkhidmatan Awam Sayangi Malaysiaku".

9. Kontinjen GLC dan Sektor Awam

- a. Diselaraskan oleh Khazanah Malaysia
- b. Penyertaan : 800 orang peserta daripada 37 buah syarikat pelaburan dari pelbagai sektor dan industri utama.

10. Ketenteraman Awam

– diselaraskan oleh Kementerian Dalam Negeri dengan kekuatan sebanyak **2610 orang** yang terdiri daripada agensi penguatkuasaan seperti:

- a. Agensi Pengurusan Bencana Negara
- b. Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

- c. Jabatan Pengangkutan Jalan
- d. Jabatan Kastam Diraja Malaysia
- e. Jabatan Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- f. Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
- g. Jabatan Sukarelawan Malaysia
- h. Jabatan Imigresen Malaysia
- i. Jabatan Penjara Malaysia
- j. Jabatan Bomba dan Penyelamat

11. Keselamatan Negara

- a. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) – 400 orang
- b. Polis Diraja Malaysia (PDRM) – 2000 orang
- c. Angkatan Tentera Malaysia (ATM) – 2050 orang

12. Jumlah Aset Udara (68 unit)

- a. Helikopter = 21
- b. Pesawat Latihan = 16
- c. Pesawat Pengangkut ATM = 13
- d. Pesawat Pejuang = 18

13. Aset Kenderaan

- a. Konvoi Kembara Merdeka = 58
- b. Bomba = 56
- c. APMM = 7
- d. PDRM = 183
- e. ATM = 103

JABATAN PERDANA MENTERI

PUTRAJAYA

31 Ogos 2018